

Headline	Kadar kes baharu HIV di Sarawak terus meningkat		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	21 Dec 2014	Color	Full Color
Section	News	Circulation	45,554
Page No	5	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	486 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,800
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 11,400



# Kadar kes baharu HIV di Sarawak terus meningkat

Kerajaan laksana pelbagai inisiatif, sedia kemudahan untuk menangani jangkitan HIV/AIDS: Dr Jerip

Oleh Agnes Tugong

**KUCHING:** Bilangan kes HIV di negeri ini terus meningkat sejak jangkitan pertama pada tahun 1989 dengan 211 kes baharu jangkitan dilaporkan bagi 11 bulan pertama tahun ini.

Menteri Muda Kesihatan Awam Datuk Dr Jerip Susil berkata, berdasarkan jumlah itu kadar kes baharu jangkitan HIV adalah sebanyak 8.09 bagi setiap 100,000 penduduk.

Menurut beliau, walaupun kadar ini adalah jauh lebih rendah daripada sasaran peringkat kebangsaan iaitu 11.0 per 100,000 penduduk, tetapi ia menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun.

“Daripada keseluruhan kes HIV yang dilaporkan antara Januari hingga November 2014, majoriti adalah Bumiputera Sarawak (65.88 peratus), diikuti oleh Cina (17.53 peratus), Melayu (9.95 peratus) dan warga asing (6.64 peratus).

“Peringkat umur yang paling ramai dijangkiti HIV

adalah antara 20 dan 49 tahun iaitu sebanyak 178 kes, diikuti oleh kumpulan umur lebih 50 tahun (24 kes), 13-19 tahun (8 kes) dan kanak-kanak berumur di bawah 12 tahun (1 kes).

“Punca jangkitan utama ialah melalui hubungan seksual dengan sebanyak 198 kes daripada kes baharu HIV yang dilaporkan dipercayai dijangkiti melalui hubungan seksual sama ada seks antara lelaki dan perempuan atau lelaki dan lelaki,” ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Sambutan Hari AIDS Sedunia dan Pelancaran Kuching Bandar Raya Sejahtera Sifar HIV/AIDS Peringkat Negeri 2014 di Medan Niaga Satok, Kubah Ria di sini semalam.

Tambah Dr Jerip yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bengoh, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk menangani jangkitan HIV dan penyakit AIDS sejak 1985.

Usaha ini, katanya, meliputi skop pengesanan kes, pencegahan jangkitan, rawatan dan sokongan sosial.

Malah, jelasnya, kerajaan juga menyediakan ujian saringan di semua fasiliti klinik kesihatan dan hospital kerajaan secara percuma meliputi ujian saringan praperkahwinan, ujian HIV bagi ibu mengandung, ujian terhadap kontak pesakit HIV dan lain-lain.

“Menyedari ancaman penyakit AIDS terhadap jangka hayat penghidap HIV dan juga menyahut seruan UN-AIDS ke arah sifar kematian berkaitan AIDS, kerajaan menyediakan kemudahan rawatan Anti Retro Viral (ARV) secara percuma.

“Setakat Jun 2014, terdapat lebih 23,000 orang diberikan rawatan atau liputan sebanyak 57 peratus daripada anggaran 40,000 orang yang layak diberi rawatan.

“Kementerian Kesihatan berharap agar sekurang-kurangnya 80 peratus orang

yang hidup dengan HIV yang layak akan menerima rawatan ini menjelang tahun 2015,” tambahnya.

Sementara itu, sambutan Hari AIDS Sedunia bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap wabak AIDS yang disebarkan oleh virus HIV, memberi sokongan kepada penghidap selain sebagai penghormatan dan peringat kepada mereka yang telah meninggal dunia disebabkan penyakit itu.

Pelbagai aktiviti dirancang dan dilaksanakan sepanjang bulan kesedaran AIDS ini dengan kerjasama pelbagai pihak.

Turut hadir Pengarah Kesihatan Negeri Sarawak Datu Dr Zulkifli Jantan, Datuk Bandar Kuching Utara Datuk Abang Abdul Wahap Abang Julai, Pegawai Kesihatan Bahagian Kuching Dr Kamarudin Lajim, Timbalan Pengarah Unit Perancangan Negeri Jabatan Ketua Menteri Buckland Bangik serta yang lain.

“Punca jangkitan utama ialah melalui hubungan seksual dengan sebanyak 198 kes daripada kes baharu HIV yang dilaporkan dipercayai dijangkiti melalui hubungan seksual sama ada seks antara lelaki dan perempuan atau lelaki dan lelaki.”

Datuk Dr Jerip Susil  
Menteri Muda Kesihatan Awam

Headline	Kadar kes baharu HIV di Sarawak terus meningkat		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	21 Dec 2014	Color	Full Color
Section	News	Circulation	45,554
Page No	5	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	486 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,800
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 11,400



**LANCAR:** Dr Jerip (tiga kiri) melakukan simbolik perasmian Sambutan Hari AIDS Sedunia dan Pelancaran Kuching Bandar Raya Sejahtera Sifar HIV/AIDS Peringkat Negeri 2014 di Medan Niaga Satok, Kubah Ria, Kuching semalam.